

GELOMBANG KESEDARAN ANAK MUDA MELAYU



**EZARUDDIN
ABD. RAHMAN**

Timbulnya Gabungan Pelajar Melayu, Setelah menempuh halangan, Bahagia hendaknya memimpin pelajar, Bagi ibu kandungan. Kekal berpanjangan, khidmat mulia, Dengan tulus dan setia, Cekal bersatu lambang kita, Menuntut hingga berjaya.

GABUNGAN Pelajar Melayu Semenanjung Malaysia (GPMS) banyak memberi nostalgia kepada orang lama. Sebelum merdeka GPMS ditubuhkan untuk membangkitkan kesedaran orang Melayu ketika itu yang masih jauh ketinggalan dalam pendidikan. Dalam usia sudah menjelang lebih 67 tahun, GPMS sebuah persatuan yang cukup matang dan melalui pelbagai cabaran sehingga ke hari ini GPMS dapat diwariskan kepada anak muda Melayu.

GPMS adalah amanah perjuangan orang Melayu pada 1948 yang masih kekal hingga ke hari ini. Penubuhan GPMS sekian lama memberi makna besar kepada orang Melayu dan bukan sekadar sebuah pertubuhan yang bersejarah kepada orang Melayu. GPMS juga gedung melahirkan pemimpin-pemimpin Melayu yang hebat.

Bermula hari ini hingga Ahad, sekali lagi seluruh perwakilan GPMS akan berkumpul dalam Persidangan Agung Tahunan GPMS kali ke-61 yang akan diadakan di Universiti Putra Malaysia (UPM). Hampir 1,500 orang perwakilan dan pemerhati dari seluruh negara akan berhimpun dan berkumpul di UPM. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dijadualkan merasmikan Persidangan Agung GPMS kali ini - penghormatan yang besar kepada kepimpinan muda GPMS.

Perhimpunan kali ini umpama gelombang kesedaran yang akan dipahatkan kepada aktivis perjuangan GPMS yang hadir. Kita harus akui anak muda pada hari ini tidak cukup merasai hidup dalam kepayahan perjuangan Melayu sebe-



PENUBUHAN GPMS digerakkan oleh enam mahasiswa Kolej Raffles dan Kolej Perubatan King Edward, Singapura pada 1948 (berdiri dari kiri) Mohd. Noor Marahakim, Abdullah Majid, Wan Sulaiman Pa'wan Teh dan (duduk dari kiri) Aminuddin Baki, Abdul Wahab Mohamed Ariff serta Siti Hasmah Mohd. Ali. - GAMBAR IHSAN GPMS

lum ini sebaliknya telah menikmati banyak kesenangan. Apabila semuanya agak selesa, anak muda mudah terleka dan sukar untuk menjiwai betapa peritnya perjuangan terdahulu berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan malah berjuang untuk kepentingan bangsa.

Anak muda Melayu tidak boleh menolak pentingnya politik dalam memastikan survival Melayu di negara ini. Sikap tidak ambil peduli lama-kelamaan akan melenyapkan semangat untuk berjuang menjaga kepentingan Melayu. Sikap tidak acuh menyebabkan ramai lagi orang Melayu yang layak mengundi tidak mahu mendaftar sebagai pengundi dan ini amat merugikan politik orang Melayu.

GPMS adalah markas melahirkan pemimpin Melayu yang terbilang dan nama-nama hebat seperti Tun Abdullah Ahmad Badawi dan Tan Sri Musa Hitam. GPMS adalah markas membina kematangan sebagai seorang pemimpin membina idealisme perjuangan.

Slogan "Hidup Melayu" yang berkumandang di mana-mana untuk membangkitkan semangat orang Melayu perlu diisi dengan kekuatan orang Melayu dalam pelbagai bidang. Apa gunanya slogan jika perpaduan Melayu masih longgar dan kita masih jauh ketinggalan dalam ekonomi dan pendidikan. Apa guna mengangkat sepanduk jika nasib bangsa Melayu masih belum berubah dan kita hanya menang sorak seperti kisah nasib

malang Pak Kaduk.

Ekosistem politik yang sentiasa berubah menuntut agar Melayu terus berada dalam saf perpaduan dan tidak boleh berpecah. Walaupun kita adalah majoriti di negara ini namun kita tidak kuat kerana makin berpecah akibat persengkeatan politik sesama sendiri.

Justeru, GPMS akan berusaha untuk menyegarkan pergerakannya agar dapat menambat hati anak muda Melayu mendekatinya. GPMS bukan sebuah pertubuhan 'syok sendiri' kerana gabungan ini sebenarnya sarat dengan asas perjuangan yang dipegang selama ini malah sebenarnya menjaga wasiat perjuangan.

Sejak merdeka sehingga sekarang, kita yakin dan percaya bahawa kemunduran kita di dalam bidang pendidikan adalah sebab utama kemunduran bangsa kita yang perlu diselesaikan demi meningkatkan martabat dan memulihkan maruah bangsa. Kejayaan kerajaan menyediakan kemudahan pendidikan telah berjaya memajukan taraf pendidikan orang Melayu. Di universiti-universiti kini ramai sudah orang Melayu. Sumbangan pihak kerajaan meningkatkan darjat pengetahuan bangsa tidak boleh dinafikan.

Orang yang lebih tua tidak 'putus-putus' mengingatkan orang muda tentang ancaman jika mereka miskin, tidak berpendidikan, tidak berduit dan tidak pernah berhenti memberi nasihat dan semangat

agar yang muda sentiasa berusaha. Orang muda pula menasihatkan orang ramai untuk berasa cukup dengan apa yang ada, kadangkala menggunakan alasan supaya selalu bersyukur dengan nikmat yang ada dan ramai juga yang suka bersikap 'tidak apa'. Sejak itu, kita kekal berada pada tahap sama dan keselesaan ini sedikit demi sedikit menjadi punca kita berada di belakang dan tidak lama lagi bakal membina-sakan kita.

Allahyarham Aminuddin Baki ada menyebut beliau tidak kesal jika bangsanya menitiskan "air mata darah bercampur keringat" tetapi tidak mahu bangsanya menitiskan "air mata darah bercampur kekesalan" akibat daripada kealpaan mereka sendiri.

Diharapkan perhimpunan kali ini akan terus membangkitkan gelombang kesedaran kepada anak-anak muda untuk memajukan diri dan meniupkan semangat bekerja keras membela nasib anak bangsa. Mereka harus bermentaliti kelas pertama agar bangsa Melayu setanding dengan bangsa lain seterusnya menjamin masa depan Melayu yang gemilang dalam era globalisasi.

Orang Melayu tidak boleh mudah mendabik dada dan jangan asyik bernostalgia. Mulakan gelombang kesedaran untuk kita terus memajukan anak bangsa memastikan kita faham peranan masing-masing mengekalkan survival politik Melayu.

Kita mungkin menangis apabila menghayati setiap bait lagu keramat "Anak Kecil Main Api" tetapi selagi ada di antara kita bersikap musang berbulu ayam, ancaman menghapuskan survival kepimpinan Melayu akan terus wujud. Mereka yang menjadi musang berbulu ayam atau mengikut ungkapan Inggeris wolves in sheep skin iaitu serigala yang berbulu kambing ini adalah ancaman senyap kepada orang Melayu.

Sesungguhnya 'maju mundur, kaya miskin dan hina mulianya bangsa itu terletak di tangan kami' adalah azimat perjuangan kita selamanya. Tempoh tiga tahun ke hadapan ini adalah masa yang getir kepada orang Melayu kerana penyatuan ini akan memastikan sama ada kita terus kekal berkuasa. Jangan biarkan sejarah kejatuhan Melayu berulang kembali.

PENULIS ialah Timbalan Presiden GPMS.